



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 23

5hb November 2020

TAMBAHAN
No. 1

No. 1118.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran Dan Pengurusan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga bagi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Lembaga berdasarkan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

ALOR SETAR, KEDAH
Bertarikh 2 September 2020

AHMAD FAZLI BIN OSMAN
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

(Ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015)

Kami, DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM, D.P.S.S., D.S.D.K., J.S.D., S.S.S., A.M.K., A.M.N., B.C.K., dan DATO' BIJAYA INDERA DATO' PADUKA HAJI SYED UNAN MASHRI BIN SYED ABDULLAH, D.H.M.S., D.P.J.N., D.S.D.K., S.D.K., P.A.T., J.M.N., B.M.S., A.M.K., B.C.K., B.P.L., J.P. yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1358

[5hb Nov. 2020]

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Bagi Pihak Lembaga,

Nama: Y.B. Dato' Paduka Ammar
bin Dato' Shaikh Mahmood
Naim, D.P.S.S., D.S.D.K.,
J.S.D., S.S.S., A.M.K.,
A.M.N., B.C.K.

Nama: Y.Bhg. Dato' Bijaya Indera,
Dato' Paduka Haji Syed
Unan Mashri bin Syed
Abdullah, D.H.M.S.,
D.P.J.N., D.S.D.K., S.D.K.,
P.A.T., J.M.N., B.M.S.,
A.M.K., B.C.K., B.P.L.,
J.P.

Jawatan: Pengerusi

Jawatan: Ahli Lembaga

ARAS 3, MENARA ZAKAT
JALAN TELUK WAN JAH
05200 ALOR SETAR, KEDAH
Bertarikh 20 April 2020

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN
(Ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015)

Saya, TUAN SYEIKH ZAKARIA BIN OTHMAN, A.M.K., Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

5hb Nov. 2020]

1359

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas Tuan Sheikh Zakaria bin Othman, A.M.K. (Ketua Pegawai Eksekutif), di Alor Setar pada 17 Mac 2020.

Di hadapan saya,

ABD. RASHID BIN DIN

Pesuruhjaya Sumpah

Malaysia

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

(Ditubuhkan menurut Seksyen 4,

Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	36,750,524	35,384,952
Hartanah Pelaburan	4	65,031,682	65,203,630
Aset Tak Ketara	5	179,497	185,532
Kerja Dalam Kemajuan	6	526,901	1,726,293
	-----	-----	-----
		102,488,604	102,500,407
	-----	-----	-----
ASET SEMASA			
Pinjaman Pegawai dan Kakitangan	7	7,884,153	6,960,411
Pertaruhan	8	109,950	100,415
Perbelanjaan Terdahulu	9	—	2,073
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	10	4,448,505	4,286,786
Pendahuluan Diri dan Pelbagai	11	4,480	35,573
Simpanan Deposit-I Berjangka	12	158,285,000	141,785,000
Wang Tunai di Bank dan di Tangan	13	59,081,273	55,709,883
		229,813,361	208,880,141
	-----	-----	-----
JUMLAH ASET		332,301,965	311,380,548
	-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1360

[5hb Nov. 2020]

	Nota	2019 RM	2018 RM
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	14	310,535	222,599
LIABILITI SEMASA			
Cagaran Diterima	15	794,642	760,870
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	16	19,575,220	11,898,462
		-----	-----
		20,369,862	12,659,332
JUMLAH LIABILITI		20,680,397	12,881,931
ASET BERSIH		311,621,568	298,498,617
		-----	-----
DIBIAYAI OLEH			
Kumpulan Wang Zakat	17	190,491,333	177,214,645
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	18	36,695,856	36,589,593
Kumpulan Wang Pinjaman	19	10,600,000	10,600,000
Rezab Penilaian Semula	20	73,834,379	74,094,379
		-----	-----
		311,621,568	298,498,617
		-----	-----

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG ZAKAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Urusniaga bukan pertukaran	21	196,468,925	177,011,733
Urusniaga pertukaran	22	8,815,687	7,115,056
Lain-lain terimaan	23	633,247	312,607
		-----	-----
JUMLAH HASIL		205,917,859	184,439,396
		-----	-----
PERBELANJAAN			
Asnaf Fakir		127,800	165,372
Asnaf Miskin		99,554,253	81,638,060
Asnaf Amil	24	24,783,712	22,301,297

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

5hb Nov. 2020]

1361

	Nota	2019 RM	2018 RM
Asnaf Muallaf		3,157,953	2,173,503
Asnaf Arriqab		29,386	14,600
Asnaf Al-Gharimin		57,799	1,510,834
Asnaf Fisabilillah		64,737,740	64,392,300
Asnaf Ibni Sabil		180,036	223,930
JUMLAH PERBELANJAAN		192,628,679	172,419,896
LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN		13,289,180	12,019,500
		-----	-----

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Urusniaga bukan pertukaran	25	24,558,616	22,126,467
Urusniaga pertukaran	26	1,349,627	1,197,162
Lain-lain terimaan	27	79,156	39,076
JUMLAH HASIL		25,987,399	23,362,705
		-----	-----
PERBELANJAAN			
Hadiah Amil		1,780,279	1,952,898
Gaji, Elaun & Bonus Kakitangan	28	12,297,238	11,867,682
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		2,761,782	2,515,252
PERKESO		160,383	150,882
Peruntukan Manfaat Kakitangan		87,936	86,254
Belanja Mesyuarat		30,600	26,400
Imbuhan Tahunan Ahli Lembaga		36,000	36,000
Zakat			
Elaun Perjalanan & Pengangkutan		192,317	228,516
Elaun Lain-lain & Saguhati		234,785	436,141
Saguhati Raya Penolong Amil		306,000	—
Saguhati Raya Amil		688,091	—
Pemberian Dari Asnaf Amil		1,940	3,733
Pelbagai Belanja	29	5,560,124	5,470,355
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,617,957	1,171,841
Susutnilai Hartanah Pelaburan	4	97,860	97,860
Pelunasan	3 & 5	63,711	43,571
Pelunasan Hartanah Pelaburan	4	74,088	74,088
JUMLAH PERBELANJAAN		25,991,091	24,161,473
(KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN		(3,692)	(798,768)
		-----	-----

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1362

[5hb Nov. 2020]

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan Wang Zakat	Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	Kumpulan Wang Pinjaman	Rezab Penilaian Semula	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2018	165,171,238	40,551,622	7,400,000	44,091,654	257,214,514
Pelarasan Tahun Lalu	23,907	36,739	—	—	60,646
Tambahan Penilaian Semula	—	—	—	30,002,725	30,002,725
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman	—	(3,200,000)	3,200,000	—	—
Lebihan Bersih bagi Tahun	12,019,500	(798,768)	—	—	11,220,732
Baki Pada 31 Disember 2018	177,214,645	36,589,593	10,600,000	74,094,379	298,498,617
Pelarasan Tahun Lalu	(12,492)	109,955	—	—	97,463
Tambahan/(Kurangan) Penilaian Semula	—	—	—	(260,000)	(260,000)
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman	—	—	—	—	—
Lebihan/(Kurangan) Bersih bagi Tahun	13,289,180	(3,692)	—	—	13,285,488
Baki Pada 31 Disember 2019	190,491,333	36,695,856	10,600,000	73,834,379	311,621,568

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan/(Kurangan)		13,285,488	11,220,732
Pergerakan bukan tunai:			
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		1,617,957	1,171,841

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

5hb Nov. 2020]

1363

	Nota	2019 RM	2018 RM
Pelunasan		63,711	44,004
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan—Hartanah Pelaburan		97,860	97,860
Pelunasan—Hartanah Pelaburan		74,088	74,088
Pelarasan Tahun Lalu	30	97,463	60,646
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Nyata		41,647	—
Pelarasan Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan Ternyata Nyata		(36,778)	—
Peruntukan Manfaat Kakitangan		87,936	86,254
Pembayaran Peruntukan Manfaat Kakitangan		—	(69,008)
Keuntungan atas Pengambilan Tanah		—	(122,745)
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		----- 15,329,372	----- 12,563,672
Peningkatan dalam Pinjaman		(923,742)	(1,892,691)
Pengurangan dalam Perbelanjaan terdahulu		2,073	137,927
Peningkatan dalam Pertaruhan		(9,535)	(100)
Peningkatan dalam Urusniaga		(161,719)	(2,333,423)
Pertukaran Belum Terima		—	—
Pengurangan dalam Pendahuluan		31,093	17,002
Peningkatan/(Pengurangan) dalam Cagaran Diterima		33,772	(46,507)
Peningkatan dalam Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru		7,676,758	3,274,146
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		----- 21,978,072	----- 11,720,026
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		-----	-----
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,543,233)	(3,929,767)
Belian Aset Tak Ketara		(56,212)	(78,540)
Hasil Daripada Pengambilan Tanah		—	256,735
Bayaran Kerja Dalam Kemajuan		(507,237)	(1,714,295)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		----- (2,106,682)	----- (5,465,867)
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		19,871,390	6,254,159
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh		197,494,883	191,240,724
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh		----- 217,366,273	----- 197,494,883

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1364

[5hb Nov. 2020]

	Nota	2019 RM	2018 RM
DIWAKILI OLEH			
Simpanan Deposit-I Berjangka	158,285,000	141,785,000	
Wang Tunai di Tangan dan di Bank	59,081,273	55,709,883	
	217,366,273	197,494,883	
	-----	-----	-----

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (Lembaga) ialah suatu pertubuhan perbadanan ditubuhkan menurut Seksyen 4, Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Ibu Pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah terletak di Aras 3, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Aktiviti utama Lembaga ialah menjalankan pentadbiran pengurusan kutipan zakat dan agihan zakat kepada asnaf-asnaf di dalam Negeri Kedah Darul Aman. Tiada sebarang perubahan penting dalam aktiviti utama Lembaga di sepanjang tahun kewangan ini.

Jumlah bilangan pekerja sehingga 31 Disember 2019 ialah 275 orang.

Penyata kewangan Lembaga berakhir 31 Disember 2019 telah dibentang dan diterima dalam Mesyuarat Lembaga pada 30 Januari 2020.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Lembaga telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada pelaporan kewangan yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara.

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

(b) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Zakat Padi

Zakat padi ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil bersih daripada tanaman padi yang telah ditolak hutang dan keperluan asas oleh petani. Nisab zakat padi bagi setiap tuaian mencapai kepada lima ausuk atau 1,300.49 kilogram dan kadar zakat padi adalah 1/10 daripada hasil tersebut.

(ii) Zakat Ternakan

Zakat ternakan ialah zakat yang wajib dikeluarkan apabila memenuhi syarat-syarat tertentu, iaitu; Islam, milik sempurna, cukup nisab (mengikut sifir kiraan zakat lembu, kerbau, kambing atau biri-biri), cukup haul (setahun), digembalaan dan tidak dipekerjakan.

(iii) Zakat Pendapatan

Zakat pendapatan ialah zakat ke atas pendapatan gaji dan lain-lain sumber pendapatan yang diterima yang ada kaitan dengannya seperti wang gaji, elaun, hadiah dan lain-lain pendapatan yang diberi oleh seseorang dari masa ke semasa hendaklah disatukan dengan wang yang terkumpul dan hendaklah dizakatkan ketika genap haul yang bermula dari sejak cukup nisab, ini bermakna apa-apa pendapatan yang diperolehi pada pertengahan haul, hendaklah dizakatkan sekali pun belum genap haul bagi tiap-tiap satu pendapatan itu.

(iv) Zakat Perniagaan

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berdasarkan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapanan, pembekalan, pertanian,

perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan, sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya.

(v) Zakat Wang Simpanan

Wang wajib dikenakan zakat kerana ia boleh digunakan untuk bermuamalah sama dengan emas dan perak. Syarat-syaratnya ialah; cukup nisab, cukup haul (setahun) dengan kadar 2.5% daripada jumlah wang simpanan.

(vi) Zakat Saham

Zakat saham wajib dikeluarkan apabila cukup syaratnya iaitu cukup nisab dan haul (setahun) dengan kadar 2.5% daripada nilai saham tersebut.

(vii) Zakat Emas dan Perak

Zakat emas dan perak dikeluarkan apabila cukup nisab dan haul. Nisab Zakat emas adalah berdasarkan nilai semasa bagi nisab emas 25 mayam (85 gram) atau perak (595 gram). Jumhur Fuqaha telah menyandarkan nisab wang kepada nisab emas (85 gram).

(viii) Zakat Fitrah

Zakat Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan setahun sekali di bulan Ramadhan.

(ix) Zakat KWSP

Zakat KWSP ialah zakat ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang cukup haul dan nasab. Zakat dikenakan setiap kali pengeluaran ke atas KWSP sama ada sebab bersara atau tujuan lain sebelum bersara.

(x) Qadha Zakat

Qadha zakat ialah zakat-zakat yang disebut di atas yang dikenakan kepada lelaki dan perempuan Islam yang tidak membayar zakat pada tahun-tahun sebelumnya.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Fidyah

Fidyah ialah denda ke atas seseorang Islam yang telah baligh kerana meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu atau pun sengaja melewatkannya ganti bulan Ramadhan.

(ii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas penyewa-penyewa Lembaga mengikut syarat perjanjian penyewaan. Antara sewaan yang dijalankan oleh Lembaga ialah; sewaan ruang menara zakat, sewa bendang, sewaan bilik/bangunan, sewa tapak dan sewa dewan dan alatan.

(iii) Keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka

Hasil keuntungan simpanan deposit-I berjangka terbahagi kepada dua keuntungan iaitu, keuntungan daripada kumpulan wang zakat dan keuntungan daripada kumpulan wang pentadbiran dan pengurusan.

(iv) Hibah Akaun Semasa

Hasil hibah akaun semasa juga terbahagi kepada dua iaitu, hibah akaun semasa daripada kumpulan wang zakat dan hibah akaun semasa daripada kumpulan wang pentadbiran dan pengurusan.

(v) Keuntungan Atas Pengambilan Tanah

Keuntungan atas pengambilan tanah adalah hasil yang diperolehi apabila pihak ketiga mengambil tanah hak milik Lembaga.

(vi) Pelbagai Hasil

Pelbagai hasil adalah lain-lain hasil yang tidak dikenalpasti, hibah atas takaful, derma dan jualan borang sebutharga dan tender.

Semua hasil adalah diambil kira berdasarkan tunai kecuali hasil daripada sewaan harta dan keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka yang diiktiraf berdasarkan kaedah akruan. Secara umum, pendapatan sewa diakrukan dengan merujuk kepada kadar sewaan bulanan. Semua hasil zakat, sewaan, keuntungan atas ambilan tanah, pelbagai hasil di Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan adalah 1/8 daripada semua hasil Kumpulan Wang Zakat.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Lembaga telah menetapkan dasar perakaunan dengan mempermudahkan Hartanah, Loji dan Peralatan yang harga perolehan asalnya RM2,000 dan ke atas setiap satu pada masa perolehan. Hartanah, Loji dan Peralatan yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 setiap satu diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana harta, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

Tanah pegangan kekal dan pegangan pajakan dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan kerana tiada had hayat kegunaan, manakala tanah pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira dengan mengambilkira tarikh ianya diperolehi dan susutnilai tidak dibuat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang dijual atau dilupuskan dalam tahun semasa.

Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus dan kadar susutnilai adalah seperti berikut:

	Kadar Susutnilai Tahunan	Kadar Pelunasan Tahunan
Bangunan	2%	
Ubahsuai Bangunan	20%	
Kenderaan	20%	
Kelengkapan Pejabat	20%	
Komputer	40% (20% pada tahun 2011 dan sebelumnya)	
Tanah Pajakan		Baki Tahun Pajakan

(d) Hartanah Pelaburan Serta Susutnilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Hartanah Pelaburan yang dimiliki oleh Lembaga ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki hartaanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Lembaga telah membuat pelarasaran tersebut. Selain daripada itu, Lembaga juga mengiktiraf semua hartaanah pelaburan yang dimiliki pada nilai kos. Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus dan kadar susutnilai adalah seperti berikut:

	Kadar Susutnilai Tahunan	Kadar Pelunasan Tahunan
Bangunan	2%	
Tanah Pajakan		Baki Tahun Pajakan

(e) Aset Tak Ketara Serta Pelunasan

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Lembaga dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambililah secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata kewangan.

	Kadar Pelunasan Tahunan
Aset Tidak Ketara	25%

(f) Kerja Dalam Kemajuan

Lembaga merekodkan kos kerja dalam kemajuan berdasarkan sijil bayaran kemajuan berkenaan. Kerja dalam kemajuan akan dipindahkan ke harta tanah, loji dan peralatan apabila ianya telah siap dan Sijil Perakuan Siap Kerja diterima.

(g) Urus Niaga Pertukaran Belum Terima

Akaun Belum Terima yang merujuk kepada penghutang penyewaan Lembaga dinyatakan setelah ditolak dengan Elaun Hutang Ragu pada kadar yang telah ditetapkan.

Elaun Hutang Ragu ini telah diluluskan dalam Peraturan Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada 8 Februari 2018 yang akan digunakan pada tahun perakaunan 2018.

(h) Pelaburan

Pelaburan Lembaga adalah pegangan dalam bentuk Simpanan Deposit-I Berjangka di Institusi Kewangan Islam dalam negeri. Pelaburan dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang dan dicairkan ke akaun semasa. Sijil diperbaharui atau pembelian baharu dibuat bagi mendapatkan kadar kumulatif dividen yang lebih tinggi.

Manakala Simpanan Deposit-I Berjangka bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang dikategorikan di bawah wang tunai.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit bertempoh yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tidak mengalami perubahan nilai yang ketara.

(j) Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru

Pembiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(k) Cukai Pendapatan

Lembaga adalah dikecualikan dari cukai pendapatan serta tidak memperuntukkan cukai bagi tahun semasa dan menepati Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003 dan pengecualian cukai di bawah Perenggan 13(b) Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

(l) Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, Lembaga perlu membayar cukai ke atas semua pembelian barang dan perkhidmatan yang tertakluk kepada CBP. Tiada sebarang pengecualian yang diberikan kepada Lembaga.

